

Surat Berita Khutbah
Topik: Mengenal Allah
Teks: Yeremia 22:13-17



Latar belakang dan sinopsis:

Yeremia membawa perkhabaran firman daripada Allah, mengkritik pemerintahan raja Yoyakim. Pemerintahan Yoyakim bermula pada 609 - 598 Sebelum Masihi selepas kematian ayahandanya, raja Yosia. Yosia telah memperkenalkan beberapa perubahan seperti memperbaiki rumah ibadah dan menghasilkan buku tentang hukum dan peraturan. Baginda kemudiannya meminta panduan daripada nabi Huldah untuk menterjemah dan mengisytiharkan hukum tersebut (lihat 2 Raja-Raja 22-23). Sebaliknya, bagi seorang raja yang baru, baginda mengharamkan perubahan-perubahan tersebut. Malah, baginda mengambil alih bangunan tersebut dan menjadikannya bangunan mewah, dengan menggunakan jenis-jenis kayu yang mahal seperti kayu cedar dan warna cat yang menarik seperti cat berwarna merah.

Hukum di dalam teks:

Yeremia bersemuka dengan Yoyakim dengan bukti-bukti perbuatan baginda. Dia membina mahligai yang indah untuk kemuliaan dirinya sendiri dan dia melakukannya tanpa memberikan imbuhan yang adil. Dengan melakukan hal ini, baginda menindas golongan yang miskin dan yang memerlukan. Baginda menumpukan hanya pada membina reputasi baginda sendiri dan kemewahan di atas penderitaan orang lain. Dalam erti kata yang lain, Yoyakim sebenarnya hanya membina tugu peringatan yang tidak bermanfaat untuk kepentingan dirinya sendiri. Perkara tersebut sangat menjijikkan. Masalah terbesar baginda ialah baginda menggunakan cara yang tidak adil untuk melakukannya. Baginda memeras tenaga orang lain untuk bekerja dan enggan untuk membayar upah para pekerja tersebut. Yoyakim membayar dengan upah yang rendah atau enggan membayar pekerja-pekerja tersebut yang membina istana untuk baginda. Hal ini menyebabkan baginda semakin kaya dan pekerja harian baginda menjadi semakin miskin. Untuk tujuan ini, Yeremia bersemuka dengan Yoyakim dan memberitahu baginda bahawa Allah tidak berkenan dengan perbuatannya yang menganiaya kehidupan orang-orang miskin. Sebagai raja, kedudukan baginda adalah yang tertinggi di dalam masyarakat dan baginda menggunakan kedudukannya untuk mengambil hak orang-orang yang berkedudukan rendah.

Yeremia mengenakan tuduhan cara-cara yang dilakukan telah melakukan dosa kepada raja dengan merujuk kepada peristiwa yang telah terjadi. Yeremia 22:13 mengatakan:

**“Celakalah dia yang membangun istananya
berdasarkan ketidakadilan
dan anjungnya berdasarkan kelaliman,
yang mempekerjakan sesamanya dengan
cuma-cuma
dan tidak memberikan upahnya kepadanya;”
(TB)**

Tanpa mengambil berat tentang orang lain, mengambil apa yang menjadi hak mereka, dan menggunakannya untuk membangunkan diri sendiri,

adalah dengan melakukan kekejaman ke atas mereka, seperti yang tertulis di dalam Yeremia 22:17. Melakukan kekejaman kepada yang lain bukan sahaja memalukan mereka secara fizikal, dalam erti kata yang lain: Apabila kita mengalihkan tujuan dari kehidupan mereka dan menghancurkan mereka dengan sikap acuh tak acuh yang kejam kita melakukan keganasan kepada mereka juga.

Injil di dalam teks:

Injil yang kita peroleh dari teks ini adalah lebih kepada tersirat dan tersurat. Tujuan sebenar Allah berfirman kepada Yeremia untuk bersemuka dengan Raja menunjukkan bahawa Allah mendengar ratapan dan mengambil berat kepada mereka yang menderita. Walaupun ketidakadilan di dunia ini berterusan dilakukan ke atas orang-orang yang lemah, Allah tidak pernah mengabaikan mereka yang bergumul dengan ketidakadilan. Allah mendengar ratapan mereka, dan Allah peduli tentang penderitaan mereka.

Mesej-mesej alkitabiah berterusan menekankan tentang Allah berbicara dan bertindak bagi pihak mereka yang ditindas oleh orang-orang yang berkuasa di dunia ini. Di dalam kes ini, ia adalah para pekerja yang dilayan dengan tidak adil. Janji-janji yang diberikan kepada mereka di dalam teks ini adalah Allah menyertai mereka. Allah bersuara bagi pihak mereka di dalam situasi-situasi di mana mereka tidak berkuasa untuk menyuarakan pendapat mereka sendiri. Allah bersama-sama dengan mereka dan Allah tidak akan melupakan mereka. Ini adalah satu janji yang teguh yang Allah lakukan berkali-kali di dalam Alkitab. Di dalam teks ini, Allah tidak berjanji melalui kata-kata tetapi melalui perbuatan. Allah menghantar Yeremia untuk bersemuka dengan raja bagi pihak mereka yang memerlukan. Perbuatan ini menunjukkan sikap Allah yang mengambil berat dan kekuasaan-Nya untuk mereka yang ditindas oleh raja.

Transformasi di dalam teks:

Yeremia
memandang
Yoyakim agar
dapat
mencontohi
ayahandanya,
Yosia.
Yeremia
menegaskan,

*“ Bukankah ayahmu makan dan minum,
tetapi menegakkan keadilan dan kebenaran juga?
Pada waktu itu baik keadaannya.
Dia membela perkara orang miskin dan orang melarat.
Pada waktu itu semuanya berjalan baik.
Bukankah itu namanya mengenal Aku?
Demikian firman Tuhan.” (Yeremia 22:15-16, AVB)*

Dalam erti kata yang lain, untuk mengenal Allah adalah dengan berlaku adil. Apabila kita mula mengenal Allah, kita mengetahui bahawa Allah tidak pernah melupakan mereka yang memerlukan. Apabila kita telah mengenali siapakah Allah itu, bagaimana kita tidak digerakkan untuk mencari keadilan? Bagaimana kita tidak boleh membantu mereka yang memerlukan untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik, dan memberikan layanan yang adil? Jika kita mempunyai kuasa untuk melakukan satu perubahan, oleh itu, kita dipanggil untuk menggunakan kuasa tersebut untuk memperbaharui kehidupan orang-orang miskin dan golongan yang memerlukan. Inilah satu contoh yang Yeremia mahu Yoyakim contohi dari ayahandanya Yosia, dan kita juga dapat melihatnya di dalam teks ini.

Perubahan-perubahan yang terdapat di dalam teks ini adalah, apabila kita mengenali sifat semula jadi Allah adalah mengingati mereka yang menderita dan ditindas, dan kita juga akan mengingati orang-orang tersebut. Selalunya orang-orang seperti ini tidak menonjol kepada kita dan sering dilupakan oleh dunia. Tetapi oleh kerana kita mengetahui melalui Alkitab bahawa Allah mengingati mereka, kita juga digerakkan untuk mengingati mereka.

Refleksi Teologi:

Untuk mengenal Allah adalah dengan melakukan keadilan. Ini adalah salah satu pekerjaan Roh Kudus di dalam kehidupan kita, memperbaharui kita, saya juga ingin menjelaskan. Sebahagian daripada Berita Baik di dalam mesej alkitabiah adalah Allah satu-satunya yang tidak akan melupakan golongan yang memerlukan berbanding dengan seseorang yang akan mengagungkan orang-orang yang berkuasa. Tiba masanya kita menyedari bahawa kebenaran ini akan mengubah kita. Ini akan menyebabkan kita untuk tidak memandang kepentingan membina tugu-tugu untuk keegoan kita sendiri, tetapi untuk melihat kepada keperluan orang lain yang memerlukan. Mengenal Allah yang menjadi Allah bagi orang-orang yang lemah mendorong kita untuk bertindak. Mengenal Allah dan bertindak secara adil tidak akan dapat dipisahkan. Di dalam petikan teks ini, kita dapat melihat satu perubahan daripada dihina oleh kerana sikap mementingkan diri sendiri (seperti Yoyakim), bersemuka dengan kenyataan bahawa kepedulian Allah adalah untuk mereka yang dunia anggap sebagai tidak penting (perkhabaran Yeremia), bertindak untuk keadilan (seperti Yosia).



Kita dapat memahami proses ini yang bergerak dari dosa kita yang dinamakan oleh hukum (Yoyakim), untuk dihadapkan dengan kesetiaan Allah sebagai Injil (melalui firman yang disampaikan melalui Yeremia), untuk dipimpin oleh Roh Kudus kepada cara bertindak yang baru sebagai transformasi (Yosia). Untuk berhadapan dengan Allah adalah keadilan; untuk bertindak untuk keadilan adalah tanda untuk mengenal Allah. Allah dan keadilan tidak dapat dipisahkan.

Perhatikan pula ketika Yeremia berbicara tentang Yosia, dia menyadari bahwa Yosia makan dan minum dan mencari keadilan dan kebenaran. Kita dapat lihat di sini bahwa Allah membenarkan baginda untuk menikmati perkara-perkara seperti makan dan minum; ini bukan bertujuan untuk melupakan semua kesenangan di dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, di dalam kita menikmati berkat-berkat yang kita miliki, kita juga harus menegakkan kebenaran untuk orang lain. Tetapi saya ingin menambah di sini bahwa ia bukanlah satu bebanan yang diletakkan di atas bahu kita. Malahan, apabila kita mengalami sendiri kehadiran Allah, kita akan mengetahui bahwa kesedaran tentang keadilan adalah berpusat kepada siapa Allah itu. Kerana inilah Allah, dan kita bersukacita bersama sama dengan keprihatinan Allah kepada mereka yang menderita. Oleh yang demikian, apabila kita mengenal Allah, kita diubah kepada individu yang mempunyai keprihatinan terhadap keperluan orang lain. Kita juga tidak mengecualikan kita dari menikmati perkara-perkara yang baik di dalam kehidupan kita, tetapi kita akan mempersoalkan apakah kesannya kepada orang lain apabila kita melakukan kebaikan seperti ini. Ini tidak menghalang kita daripada menikmati perkara-perkara yang baik dalam kehidupan, tetapi ia membuat kita mempersoalkan harga yang orang lain perlu bayar untuk membolehkan perkara-perkara baik ini datang kepada kita.

Jika orang lain tidak diberi upah yang mencukupi untuk meneruskan kehidupan agar kita juga dapat membeli barangan keperluan di pasar dengan harga yang termurah, oleh itu nilai kehidupan seseorang tidak berbaloi untuk tujuan tersebut. Dengan dialih ke arah keadilan melalui pertemuan dengan Roh Kudus, ia bererti bahawa kita tidak lagi dapat menerima kemewahan yang mendatangkan keganasan kepada mereka yang memungkinkannya terjadi bagi kita memiliki kemewahan itu. Keghairahan kita untuk kesejahteraan orang lain ketika dipimpin oleh Roh Kudus adalah lebih besar daripada keinginan kita untuk keseronokan-keseronokan yang tidak perlu.

Apa kata Ahli Teologi:

“Walaupun Kerajaan Allah tidak seharusnya menimbulkan kekeliruan dengan kewujudan masyarakat yang adil, ini tidak bermakna ia berbeza dengan masyarakat itu sendiri. ... Malah dengan sebab yang kukuh, pengisytiharan kerajaan mendedahkan kepada masyarakat itu sendiri tentang aspirasi untuk masyarakat yang adil dan menuju kepada penemuan dimensi yang tidak dapat dijangka dan jalan yang tidak pernah diterokai. Kerajaan ini disedari di dalam kekeluargaan dalam masyarakat dan adil; dan sebagai balasan, kesedaran ini menyinar melalui janji-janji dan di dalam harapan untuk satu perjamuan kita dengan Allah.”

Ahli teologi berbangsa Latin Amerika Gustavo Guitierrez, “Yesus dan dunia politik,” *Kepentingan Penulisan*, 211.